



SEKOLAH KEBANGSAAN TAMAN DATO' HARUN (SATU)

UJIAN AKHIR SESI AKADEMIK

Tahun 5 Sesi 2024/2025

PENDIDIKAN SENI VISUAL

1 jam

Nama	
Kelas	

ARAHAN:

1. *Buka kertas ujian ini apabila diberitahu.*
2. *Tulis nama penuh dan nama kelas pada muka hadapan kertas soalan dan kertas jawapan objektif yang disediakan.*
3. *Bahagian A terdiri daripada 30 soalan objektif dan jawapan perlu ditanda pada kertas jawapan objektif di belakang set soalan.*
4. *Bahagian B terdiri daripada 2 soalan struktur dan jawapan hendaklah ditulis pada ruangan yang disediakan.*

Disediakan oleh:

.....
(PIRIYATHARSHINI A/P
RAMACHANDRAN)
Guru Mata Pelajaran PSV
SK Taman Dato' Harun (Satu)

Disemak oleh:

.....
(ANISA BINTI NORDIN)
Ketua Panitia PSV
SK Taman Dato' Harun (Satu)

Disahkan oleh:

.....
(MEOR KAMARUL HAZRI BIN
SOHAIMI)
Guru Besar
SK Taman Dato' Harun (Satu)

Bahagian A
Soalan Objektif
[30 markah]

Arahan: Bahagian ini mempunyai 30 soalan. Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan iaitu **A, B, C dan D**. Pilih jawapan yang paling tepat bagi setiap soalan.

1. Manakah antara berikut merupakan prinsip rekaan seni visual?
 - A. Rupa
 - B. Garisan
 - C. Ruang
 - D. Imbangan

2. _____ ialah kumpulan warna yang berada sebaris dalam roda warna. Warna ini memberi kesan yang selesa dan tenang dalam penghasilan karya.
 - A. Warna sewarna
 - B. Warna harmoni
 - C. Warna sejuk
 - D. Warna panas

3. Manakah antara berikut merupakan warna panas?
 - A. Kuning
 - B. Hijau
 - C. Biru
 - D. Ungu

4. _____ dihasilkan dengan pengulangan pelbagai teknik garisan yang boleh menghasilkan ritma dan pergerakan.
 - A. Capan
 - B. Lukisan
 - C. Bentuk
 - D. Rupa

5. Apakah unsur yang akan dilihat pada aktiviti capan yang telah dihasilkan?
 - A. Ruang
 - B. Garisan
 - C. Rupa
 - D. Jalinan

6. _____ merupakan satu cara menggambar dengan menggunakan media kering seperti pensel warna, oil pastel, krayon, pen penanda dan pen teknikal dengan teknik garisan.
 - A. Rupa
 - B. Lukisan
 - C. Jalinan
 - D. Bentuk

7. Permukaan bahan manakah yang paling sesuai digunakan untuk menghasilkan garisan tebal dan menyerap warna dengan baik?
- A. Kain tebal
 - B. Surat khabar
 - C. *Sugar paper*
 - D. Tisu masakan
8. Yang manakah antara berikut merupakan warna-warna sejuk?
- A. Merah, biru
 - B. Kuning, oren
 - C. Hijau, biru
 - D. Ungu, kuning
9. _____ ialah objek tiga dimensi yang boleh disentuh serta mempunyai ruang dan isi padu.
- A. Kolaj
 - B. Model
 - C. Rupa
 - D. Bentuk
10. Apakah media dan teknik yang akan menghasilkan warna hitam pada tembikar?
- A. Tanah
 - B. Kayu tera
 - C. Pembakaran
 - D. Alat mengguris
11. _____ merupakan gubahan gambar daripada sumber media cetak dan media elektronik.
- A. Poster
 - B. Lukisan
 - C. Kolaj
 - D. Montaj
12. Penggunaan motif secara berulang adalah perlu untuk menghasilkan_____.
- A. Bentuk
 - B. Rupa
 - C. Corak
 - D. Ruang
13. Apakah yang dimaksudkan dengan mozek?
- A. Lukisan menggunakan cat air pada kertas
 - B. Susunan cebisan bahan kecil untuk membentuk corak atau gambar
 - C. Teknik mengukir pada permukaan kayu
 - D. Menggunakan warna sejuk untuk menghasilkan pemandangan

14. Bentuk asas apakah yang biasa digunakan untuk membentuk kaki model robot supaya ia kukuh dan stabil?
- A. Bulat
 - B. Segi empat tepat
 - C. Segi tiga
 - D. Bujur
15. Negeri manakah yang terkenal dengan pembuatan tembikar tradisional?
- A. Johor
 - B. Terengganu
 - C. Negeri Sembilan
 - D. Kelantan
16. Antara tembikar tradisional berikut yang manakah berfungsi sebagai bekas air?
- A. Labu
 - B. Bekas bunga
 - C. Belanga
 - D. Bekas bara
17. Apakah bahan yang paling sesuai digunakan untuk membuat model yang kukuh dan mudah dibentuk?
- A. Platisin
 - B. Kertas lukisan
 - C. Kain kapas
 - D. Pensel warna
18. Dalam teknik titisan, apakah warna akhir yang disapukan untuk menimbulkan kesan?
- A. Warna sejuk
 - B. Warna panas
 - C. Warna terang
 - D. Warna gelap
19. _____ mempunyai tapak yang kukuh dan dibina dalam pelbagai bentuk objek tiga dimensi.
- A. Arca stabail
 - B. Seni tekat
 - C. Ram
 - D. Model
20. Mengapa tanah liat sering dipilih sebagai bahan utama dalam pembuatan arca berbanding dengan bahan lain seperti kayu atau logam?
- A. Tanah liat lebih mudah didapati
 - B. Tanah liat mudah dibentuk dan diubah suai
 - C. Tanah liat lebih tahan lasak
 - D. Tanah liat tidak memerlukan sebarang kemahiran untuk menggunakannya

21. Apakah teknik yang digunakan untuk menghasilkan corak batik?
- A. Teknik ikat celup
 - B. Teknik anyaman
 - C. Teknik gosokan
 - D. Teknik percikan
22. Manakah antara berikut merupakan gabungan warna yang paling sesuai untuk menghasilkan karya bertemakan “Keamanan”?
- A. Merah dan kuning
 - B. Biru dan hijau
 - C. Oren dan ungu
 - D. Coklat dan hitam
23. Jika anda ingin mencipta kesan tekstur kasar dalam lukisan, teknik manakah yang paling sesuai digunakan?
- A. Teknik gosokan
 - B. Teknik catan
 - C. Teknik renjisan
 - D. Teknik lukisan titik-titik
24. Apakah kesan yang dapat dihasilkan dengan menggunakan garisan tebal dan nipis dalam satu lukisan?
- A. Memberi penekanan dan kedalaman
 - B. Memberi penekanan dan kedalaman
 - C. Mengelakkan penggunaan warna dalam lukisan.
 - D. Menjadikan lukisan kelihatan lebih rata
25. Teknik kolaj sering digunakan dalam penghasilan poster. Apakah kelebihan utama teknik ini?
- A. Memberikan kesan ruang yang mendalam
 - B. Menghasilkan warna yang terang
 - C. Mencipta kesan pergerakan dalam karya
 - D. Menambahkan tekstur dan kepelbagaian bahan
26. Manakah antara berikut yang merupakan teknik asas dalam menghasilkan arca menggunakan tanah liat?
- A. Teknik mencanting
 - B. Teknik menggulung
 - C. Teknik percikan
 - D. Teknik tampalan
27. Bagaimanakah corak terancang dapat memberikan kesan visual yang lebih menarik dalam sebuah karya seni, dan apakah faktor yang mempengaruhi pemilihan corak tersebut?
- A. Corak terancang menambah keindahan dengan memberi elemen keseragaman dan simetri
 - B. Corak terancang hanya digunakan untuk mengisi ruang kosong tanpa tujuan tertentu
 - C. Corak terancang digunakan untuk menghasilkan kesan keaslian yang tidak biasa
 - D. Corak terancang menyebabkan karya seni kelihatan lebih berserabut dan tidak teratur

28. Anda diminta menghasilkan lukisan yang bertemakan “Kegembiraan”. Warna manakah yang paling sesuai digunakan untuk menonjolkan tema tersebut?
- A. Biru muda dan ungu lembut
 - B. Hijau tua dan kelabu
 - C. Merah terang dan kuning cerah
 - D. Coklat dan hitam
29. Apakah elemen seni yang paling sesuai digunakan untuk memberi ilusi ruang dalam karya dua dimensi?
- A. Warna dan bentuk
 - B. Garisan dan tona
 - C. Tekstur dan corak
 - D. Saiz dan warna
30. Dalam menghasilkan karya menggunakan teknik anyaman, apakah bahan yang paling sesuai digunakan untuk memberi kesan tradisional?
- A. Kertas warna
 - B. Tanah liat
 - C. Kain dan rotan
 - D. Cat air

Bahagian B
Soalan Struktur
[10 markah]

Arahan: Jawab semua soalan.

1. Tandakan (✓) bagi pernyataan yang **betul** dan (X) bagi pernyataan yang **salah**.

PENGUNAAN MOTIF

- a) Penggunaan motif secara berulang akan menghasilkan corak.
- b) Salah satu cara untuk menghasilkan motif adalah dengan teknik montaj.
- c) Saiz dan warna tidak dapat memberi penegasan kepada karya.
- d) Teknik potongan menghasilkan kesan jalinan lembut dan mudah digunting.
- e) Teknik koyak menghasilkan susunan batu bata.

[5 markah]

2. Isi tempat kosong dengan jawapan yang betul.

buatan manusia	rupa	lukisan
karya	menarik	pokok sena

Capan ialah teknik mengecap bahan semula jadi atau bahan_____. Unsur_____ boleh dilihat pada aktiviti capan yang dihasilkan. Lukisan dan capan boleh digabungkan untuk menghasilkan_____ yang kreatif dan. Contoh karya gabungan lukisan dan capan ialah_____.

[5 markah]

----- **KERTAS SOALAN TAMAT** -----
~ SELAMAT MENJAWAB ~

KERTAS JAWAPAN OBJEKTIF

NAMA : _____

KELAS : _____

MATA PELAJARAN: PENDIDIKAN SENI VISUAL

ARAHAN

- 1) Gunakan pensel 2B atau BB Sahaja.
- 2) Pastikan setiap tanda dihitamkan dan memenuhi ruang.
- 3) Padam tanda yang diubah sehingga bersih.

1.

2.

3.

4.

5.

6.

7.

8.

9.

10.

21.

22.

23.

24.

25.

26.

27.

28.

29.

30.

11.

Untuk Kegunaan Pemeriksa			
Nama Pemeriksa:			
Bahagian	Soalan	Markah Penuh	Markah Diperoleh
A	1-30	30	
B	1	5	
	2	5	
Jumlah		40	

12.
13.
14.
15.

KERTAS JAWAPAN OBJEKTIF

16.

17.

18.

19.

20.